

TIDAK SEINDAH RUPA



Musim Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 2025 menyaksikan perbezaan ketara dalam kualiti penglibatan pemegang saham. Ada mesyuarat yang menggalakkan perbincangan dan keterbukaan, namun ada juga yang dirasakan terlalu tersusun, bersifat defensif atau bahkan menimbulkan rasa tidak selesa.

ADAKAH SUARA PEMEGANG SAHAM DIDENGARI DALAM AGM?

Selepas musim mesyuarat agung tahunan (AGM) 2025 melabuhkan tirainya, satu corak yang jelas dapat dilihat. Walaupun semua mesyuarat dianjurkan mengikut struktur yang sama, pengalaman setiap AGM amat berbeza antara satu sama lain.

Sepanjang tahun ini, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) telah menghadiri hampir 500 mesyuarat agung, yang merangkumi syarikat bermodal besar dan kecil, melibatkan 12 negeri serta pelbagai industri. Dalam setiap mesyuarat, agendanya kelihatan sama. Notis dibacakan, resolusi dibentangkan, undian dijalankan. Namun dalam amalan sebenar, pengalaman yang dilalui amat berbeza daripada satu syarikat kepada syarikat lain.

Di satu hujung spektrum, terdapat AGM yang terasa seperti sebuah acara keraian. Pemegang saham disambut dengan alunan muzik orkestra yang dipersembahkan secara langsung ketika melangkah masuk ke dalam dewan yang dihias rapi. Video korporat berkualiti tinggi ditayangkan di skrin besar, mengisahkan perjalanan dan pencapaian syarikat. Ada juga lokasi yang menyediakan sudut kesihatan dengan menawarkan urutan bahu, hidangan ringan serta cenderahati korporat yang dibungkus kemas. Suasannya lebih menyerupai pameran korporat berbanding dengan mesyuarat berkanun.

Di hujung yang satu lagi, suasana amat berbeza. Lokasi mesyuarat dikawal ketat, ada kalanya dengan kehadiran pengawal keselamatan bersenjata. Pemegang saham masuk di bawah pengawasan rapi. Suasana yang tegang sudah terasa sebelum pengerusi mengambil tempat. Dalam mesyuarat seperti ini, soalan ditanyakan dengan penuh berhati-hati. Pemilihan kata-kata ditimbang sebaiknya, membuatkan hadirin sukar menyembunyikan perasaan yang tidak selesa.

Secara keseluruhan, musim AGM 2025 boleh digambarkan sebagai musim yang penuh dengan rona dan kecekapan. Kebanyakan mesyuarat dijalankan secara profesional dan teratur, dengan sokongan teknologi terkini. Namun di sebalik kekemasan luaran, timbul persoalan yang lebih mendalam. Bagaimanakah sebenarnya syarikat melihat peranan AGM pada hari ini? Adakah ia sekadar keperluan undang-undang yang perlu diselesaikan setahun sekali? Atau masih dianggap sebagai platform penting untuk meletakkan peranan dan tanggung jawab ke atas lembaga pengarah? Memupuk interaksi yang bermakna dengan pemegang saham? Atau membina kepercayaan melalui perbincangan dan bukan sekadar pematuhan?

Persoalan ini terus berlegar-legar lama selepas resolusi terakhir diluluskan dan dewan mesyuarat dikosongkan.

Mengembalikan Kehadiran Fizikal Pemegang Saham

Berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025, semua syarikat tersenarai diwajibkan mengadakan AGM secara fizikal sepenuhnya. Perubahan dasar ini mencetuskan perdebatan. Ada

pihak yang bimbang kehadiran akan merosot dan mencadangkan supaya syarat tersebut dikaji semula. Hujahnya mudah: jika kehadiran rendah, penglibatan juga lemah, maka syarikat seharusnya mengutamakan kemudahan berbanding dengan format.

MSWG melihat perkara ini dari sudut pandangan yang berbeza.

Kami menyambut baik langkah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia ini, bukan kerana mesyuarat fizikal itu lebih sempurna, tetapi kerana ia mengembalikan kehadiran manusia - sesuatu yang asas dan sukar ditiru oleh platform maya. AGM secara fizikal membolehkan pemegang saham memerhati lembaga pengarah secara langsung, membaca bahasa tubuh, merasakan keyakinan atau kegusaran, serta bertanya soalan tanpa penapisan nada atau kandungan oleh moderator.

Tidak dinafikan, teknologi sememangnya boleh meningkatkan akses, tetapi ia juga boleh mewujudkan jarak. Penglibatan, khususnya dalam isu tadbir urus, jarang menjadi lebih bermakna apabila terhad kepada soalan bertulis dan jawapan berjadual. Mesyuarat fizikal mengingatkan lembaga pengarah bahawa pemegang saham bukan sekadar nama dalam senarai atau statistik undian, tetapi individu sebenar yang telah mengamanahkan modal mereka ke dalam syarikat.

Kesan Daripada Jadual AGM yang Terlalu Padat

Seperti tahun-tahun sebelumnya, aktiviti AGM 2025 tertumpu antara April hingga Julai, dengan Mei dan Jun sebagai bulan paling sibuk. Umum sudah lama maklum akan corak bermusim ini namun kesannya terhadap tingkah laku sering dipandang remeh.

Untuk lembaga pengarah dan pihak pengurusan, musim AGM boleh terasa sangat melelahkan. Pertindihan dalam persediaan, penasihat terpaksa mengurus banyak mesyuarat serentak, manakala pengarah pula menghadiri beberapa AGM dalam minggu yang sama. Dalam keadaan ini, kecekapan amat diperlukan untuk bertahan.

Namun kecekapan ada harganya. Mesyuarat menjadi lebih bersifat rutin. Pembentangan menggunakan templat yang sama. Pengerusi semakin fokus memastikan mesyuarat menepati jadual. Soalan dikawal rapi. Soalan susulan kadangkala tidak digalakkan, bukan kerana berniat tidak baik, tetapi kerana masa dirasakan semakin suntuk.

Apabila AGM dilihat sebagai sekadar kewajipan bermusim yang perlu diselesaikan, dan bukannya satu proses penting untuk memastikan kebertanggungjawaban, perbincangan mudah menjadi sekadar formaliti. Apabila perbincangan bertukar menjadi urusan untuk "cukup syarat", hubungan dan penglibatan antara pihak berkepentingan pula semakin terhakis tanpa disedari.

Lokasi AGM dan Pengaruhnya terhadap Penglibatan Pemegang Saham

Kebanyakan AGM pada 2025 diadakan di lokasi selain pejabat berdaftar syarikat, misalnya di hotel, kelab golf, pusat konvensyen dan bangunan komersial. Pemilihan lokasi dibuat secara berpecah-pecah, tanpa satu lokasi utama yang benar-benar menonjol sepanjang tahun.

Pada zahirnya, pemilihan lokasi dilihat sebagai hasil keputusan yang praktikal berdasarkan ketersediaan, kapasiti dan kos. Namun secara halus, pemilihan lokasi memberi gambaran tentang audiens sasaran sebenar mesyuarat tersebut.

Ada lokasi yang terletak di pusat bandar, mudah diakses oleh pemegang saham dengan menggunakan pengangkutan awam. Ada juga yang terpencil, misalnya di kawasan perindustrian, tapak perniagaan yang jauh, ladang atau kilang. Walaupun mengadakan AGM di premis perniagaan atau operasi boleh membawa maksud tersendiri, faktor kebolehcapaian perlu dipertimbangkan dengan teliti.

Jika mesyuarat diadakan jauh dari lokasi pengangkutan awam atau pusat bandar, syarikat wajar mempertimbangkan perkhidmatan kenderaan ulang alik, sokongan logistik yang jelas, atau pengaturan hibrid. Kebolehcapaian bukan sekadar soal kemudahan, malah ia mencerminkan sejauh mana syarikat menghargai penyertaan pemegang saham.

AGM yang terbuka secara teknikal tetapi sukar untuk dihadiri secara praktikal secara tidak langsung berisiko bertukar menjadi suatu acara yang eksklusif.

Menilai Semula Kehadiran Pemegang Saham

Terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap kehadiran pemegang saham pada tahun 2025. Dalam sesetengah mesyuarat, wakil MSWG merupakan satu-satunya pemegang saham minoriti yang hadir, selain wakil syarikat atau pemegang saham pengawal. Dalam mesyuarat lain pula, kehadiran melebihi 2,000 orang sehingga memenuhi dewan utama dan menyebabkan limpahan hadirin hingga ke luar bilik mesyuarat. Namun kebanyakan AGM biasanya dihadiri antara 50 hingga 200 orang.

Bagaimanapun, kualiti penglibatan tidak bergantung kepada kehadiran semata-mata.

Kehadiran yang rendah tidak semestinya menandakan sikap tidak peduli. Pemegang saham mungkin memilih untuk tidak hadir atas pelbagai sebab praktikal, termasuk kekangan masa, penggunaan proksi atau jangkaan akan terdapat ruang perbincangan bermakna yang terhad. Sebaliknya, kehadiran yang tinggi juga tidak menjamin perbincangan yang berkualiti. Kehadiran yang terlalu ramai boleh menghadkan interaksi, menyebabkan soalan mereka ditapis, masa dipendekkan dan soalan susulan disekat.

Soalan yang lebih penting bukanlah berapa ramai pemegang saham yang hadir, tetapi sama ada mereka yang hadir diberikan ruang, masa dan penghormatan untuk didengari.

Masa, Tempoh dan Rentak AGM

Tempoh AGM pada tahun 2025 juga berbeza-beza. Mesyuarat paling singkat berakhir dalam masa kurang 30 minit, manakala yang terpanjang hampir mencecah empat jam. Kebanyakannya berlangsung kira-kira sejam hingga sejam setengah.

Disiplin masa amat penting. Pemegang saham menghargai mesyuarat yang terurus dan menghormati masa mereka. Namun mesyuarat yang terlalu singkat sering dikaitkan dengan agenda yang terlalu tersusun dan sesi soal jawab yang minimum. Mesyuarat yang lebih panjang pula lazimnya mencerminkan pemegang saham prihatin yang benar-benar mengambil perhatian, atau terdapat ketegangan tadbir urus atau isu kompleks yang memerlukan penjelasan.

AGM yang berkesan tidak semestinya yang singkat, tetapi yang memperuntukkan masa secara adil, tidak tergesa-gesa menjawab soalan dan membenarkan perbincangan berkembang secara semula jadi.

Peranan Pengerusi dalam Membina Kepercayaan Pemegang Saham

Dalam lebih 95% AGM, mesyuarat dipengerusikan oleh pengerusi syarikat. Dalam lebih 90% kes juga, pengerusi mengendalikan mesyuarat secara teratur dan profesional. Ini merupakan perkembangan yang positif dan wajar diberikan pengiktirafan.

Namun keteraturan ini tidak semestinya melambangkan keterbukaan.

Dalam sebilangan kecil mesyuarat yang penting, pemegang saham secara jelas tidak dibenarkan untuk bertanya soalan. Dalam kes lain pula, sesi soal jawab dibenarkan secara formal tetapi hakikatnya sangat terhad, contohnya atas alasan kekangan masa, soalan ditapis terlebih dahulu, atau tiada peluang untuk bertanya soalan susulan. Walaupun kejadian sebegini hanya berlaku dalam kes terpencil, ia biasanya meninggalkan kesan yang mendalam serta mempengaruhi tanggapan pemegang saham terhadap mesyuarat tersebut.

Pengerusi berperanan menetapkan nada AGM. Beliaulah yang menentukan soalan mana perlu dijawab, berapa lama masa yang diperuntukkan dan sama ada mesyuarat mengalu-alukan soalan susulan. Menurut pemerhatian MSWG, pengerusi dilihat semakin kerap menggunakan budi bicara ini secara berhati-hati, kadangkala secara defensif.

Peranan pengerusi bukan sekadar memastikan mesyuarat berjalan mengikut jadual, tetapi juga memupuk kepercayaan. Pengerusi yang menggalakkan perbincangan dapat mengukuhkan keyakinan. Pengerusi yang menghadkannya, walaupun secara sopan, berisiko menghakis kepercayaan tersebut.

Apabila Hadir Tetapi Tidak Turut Serta

Kehadiran lembaga pengarah dalam AGM secara umumnya masih utuh, dengan kira-kira 75 hingga 80% mesyuarat mencatatkan kehadiran penuh. Namun masih wujud keadaan di mana pengarah tidak hadir walaupun mereka cuba mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk pelantikan semula.

Perkara yang berlaku sebelum mesyuarat bermula juga wajar dipertimbangkan. Dalam kurang daripada 10% AGM, pengarah mengambil inisiatif untuk berbual-bual dan berinteraksi dengan pemegang saham terlebih dahulu. Perbualan santai, tegur sapa ringkas dan interaksi tidak formal ini mampu merapatkan jurang, selain menjadikan lembaga pengarah lebih mesra dan memudahkan pemegang saham untuk berkomunikasi. Namun begitu, kebanyakan syarikat masih tidak memanfaatkan peluang ini.

Semasa mesyuarat dijalankan, pihak penganjur biasanya memperkenalkan ahli lembaga pengarah. Namun, mereka tidak selalu memperkenalkan pihak pengurusan kanan dan juruaudit luar. Apabila pemegang saham mengemukakan soalan berkaitan tadbir urus, pengarah bebas pula sering memilih untuk tidak bersuara. Keterlihatan itu penting, tetapi penglibatan secara aktif jauh lebih penting.

Soalan, Jawapan dan Had Respons untuk Hal-hal Berkaitan Pematuhan

Kebanyakan AGM pada tahun 2025 memberikan peluang kepada pemegang saham untuk bertanya soalan. Dalam kira-kira 80% kes, jawapan yang diberikan dianggap memadai. Selebihnya pula bersifat separa, mengelak atau memberikan jawapan yang tidak memuaskan.

Satu corak yang berulang ialah penggunaan jawapan berasaskan pematuhan semata-mata. Misalnya, "Kami mematuhi syarat Bursa." "Perkara ini telah dibincangkan oleh lembaga." "Hal ini berada dalam had kawal selia."

Jawapan seperti ini mungkin memenuhi senarai semak peraturan, tetapi selalunya tidak memuaskan hati pemegang saham. Pemegang saham bukan sekadar mahukan pengesahan bahawa syarikat telah mematuhi peraturan. Mereka mahu tahu mengapakah sesuatu keputusan dibuat, apakah pilihan lain yang dipertimbangkan, dan apakah pertukaran atau kompromi yang terlibat.

Dari segi teknologi pula, banyak penambahbaikan telah dibuat. Kira-kira 70% AGM kini menggunakan pembentangan multimedia. Masalah audio jarang berlaku. Undian secara pungutan suara dan sistem elektronik juga sudah menjadi amalan biasa.

Menghidupkan Kembali Tujuan Sebenar AGM

Secara keseluruhan, AGM pada tahun 2025 memberikan gambaran yang bercampur aduk.

AGM kini dijalankan dengan lebih cekap, teratur dan profesional berbanding sebelum ini. Namun pada masa yang sama, ia semakin bersifat mengikut skrip, terlalu berprosedur dan kadangkala defensif. Keadaan ini berisiko menjadikan AGM sekadar satu rutin pematuhan dan bukan lagi ruang untuk menuntut pertanggungjawaban.

Kecekapan bukanlah satu masalah. Tetapi apabila kecekapan menggantikan perbincangan, sesuatu yang penting akan hilang.

Untuk ramai pemegang saham minoriti, AGM menjadi satu-satunya medan yang menyediakan peluang untuk bersemuka dengan lembaga pengarah setiap tahun dan bertanyakan soalan secara terus. Lembaga yang menghargai detik ini akan membina kepercayaan dan kredibiliti. Sebaliknya, lembaga yang mengelak, walaupun tanpa niat, akan menimbulkan perasaan ragu-ragu.

Dalam pasaran yang menitikberatkan keyakinan dan kredibiliti, lebih banyak perkara yang dapat dibaca daripada cara sesebuah syarikat mengendalikan AGM, berbanding dengan mana-mana laporan tahunan mereka.

[TAMAT]

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) Berhad pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
20.01.26 (Selasa) 10.00 pagi	MBSB Berhad (EGM)	MBSB bercadang untuk menubuhkan Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) yang merangkumi cadangan skim opsyen saham pekerja (ESOS) serta cadangan pemberian saham, dengan jumlah penerbitan tidak melebihi 10% daripada jumlah saham terbitan syarikat. Syarikat juga memohon kelulusan pemegang saham untuk cadangan peruntukan di bawah LTIP itu kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Mohamed Rafe Mohamed Haneef.
20.01.26 (Selasa) 02.00 petang	IHH Healthcare Berhad (EGM)	IHH Healthcare bercadang untuk melaksanakan Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) untuk pekerja yang layak dalam syarikat dan anak-anak syarikatnya. Pengendali hospital itu turut memohon kelulusan pemegang saham bagi cadangan peruntukan kepada Dr. Prem Kumar Nair, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan IHH Healthcare.
22.01.26 (Khamis) 10.00 pagi	Fraser & Neave Holdings Bhd (AGM)	F&N melaporkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM5.2 bilion pada tahun kewangan 2025, berbanding dengan RM5.25 juta pada tahun sebelumnya. Selaras dengan prestasi pendapatan yang sederhana, keuntungan untuk tahun tersebut menyusut 5.44% kepada RM514.7 juta, berbanding dengan RM544.3 juta sebelum ini.

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		Sepanjang tahun tersebut, Kumpulan telah berjaya memulakan operasi ladang tenusu bersepadu di Gemas, yang dilengkapi dengan bangsal moden, kemudahan pemerahan susu berteknologi tinggi, kemudahan pekerja, loji pemprosesan tenusu di lokasi serta hasil tanaman yang produktif.
23.01.26 (Jumaat) 10.00 pagi	Poh Kong Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan meningkat 2.8% tahun ke tahun kepada RM1.69 bilion, manakala keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham naik 3.6% tahun ke tahun kepada paras tertinggi baharu sebanyak RM121.1 juta. EBITDA meningkat 5.5% tahun ke tahun kepada RM207.8 juta, mencerminkan kecekapan operasi yang lebih baik. Jumlah ekuiti semakin kukuh, dengan peningkatan sebanyak 12.9% tahun ke tahun kepada RM984.1 juta, manakala hutang bersih meningkat, menyebabkan nisbah penggearan naik secara sederhana daripada 0.14 kepada 0.16. Mengikut segmen, perniagaan runcit kekal dominan dengan 91 cawangan, dengan Lembah Klang menyumbang 72% daripada jumlah pendapatan.
23.01.26 (Jumaat) 10.30 pagi	Astino Berhad (AGM)	ASTINO mencatatkan peningkatan pendapatan yang marginal, sebanyak 1% kepada RM637 juta pada tahun kewangan 2025, majoritinya disumbangkan oleh jualan eksport yang lebih tinggi. Jumlah volum jualan meningkat 8.8% kepada 111,000 tan metrik. Namun begitu, keuntungan sebelum cukai susut 4.1% kepada RM47 juta, berikutan peningkatan dalam nisbah perbelanjaan operasi daripada 8.4% kepada 9.0%. Penurunan ini didorong oleh beberapa faktor, termasuk kerugian pertukaran mata wang asing sebanyak RM966,000, kos penyelenggaraan IT sebanyak RM1.5 juta, serta peningkatan caj pengangkutan susulan pelaksanaan cukai perkhidmatan baharu.
23.01.26 (Jumaat) 03.00 petang	Nexgram Holdings Berhad (AGM)	Dalam tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Julai 2025, NEXGRAM merekodkan penurunan pendapatan sebanyak 11.7% kepada RM73.7

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		juta, terutamanya disebabkan oleh jualan yang lebih rendah daripada segmen ICT. Walaupun begitu, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.9 juta, berbanding dengan kerugian sebelum cukai sebanyak RM30.3 juta pada tempoh kewangan berakhir 2024. Peningkatan keuntungan ini majoritinya disumbangkan oleh keuntungan sebanyak RM31.2 juta hasil pelupusan anak syarikat, yang kebanyakannya terlibat dalam perniagaan logistik dan penjagaan kesihatan yang telah diiktiraf pada tempoh kewangan berakhir 2025.

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Astino Berhad (AGM)	Memandangkan pertumbuhan pendapatan agak sederhana, iaitu sebanyak 1% pada tahun kewangan 2025, bolehkah pihak pengurusan jelaskan inisiatif khusus atau segmen pasaran yang dijangka menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan pendapatan yang lebih kukuh dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang?
Nexgram Holdings Berhad (AGM)	<i>"Susulan daripada usaha rasionalisasi strategik ini, Kumpulan merekodkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM6.3 juta dan kerugian selepas cukai sebanyak RM8.1 juta daripada operasi berterusan. Lebih penting lagi, kerugian ini mencerminkan pelarasan tidak berulang serta pembersihan isu legasi, sekali gus meletakkan Kumpulan dengan kunci kira-kira yang lebih jelas, struktur kos yang lebih cekap, serta asas kewangan yang lebih kukuh untuk masa hadapan."</i> (Halaman 18, Laporan Tahunan 2025) a) Sila jelaskan secara kuantitatif kesan kewangan khusus daripada pelarasan tidak berulang serta item pembersihan isu legasi itu terhadap kerugian yang dilaporkan.

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	b) Apakah garis masa yang dijangkakan untuk operasi berterusan Kumpulan kembali mencatatkan keuntungan secara konsisten?